

**KAJIAN PENGLIBATAN WANITA DALAM BIDANG PERNIAGAAN DI
SEKITAR BANDARAYA KUCHING**

**MAIMUNAH BTE LATIP
DAYANG NURKIAH BTE AWANG HIP**

Kertas Projek ini dikemukakan kepada Fakulti Pentadbiran dan Undang-undang sebagai sebahagian syarat untuk memenuhi kehendak Program Diploma Pentadbiran Awam

**DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM
FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
KAMPUS KOTA SAMARAHAN
SARAWAK**

SEPTEMBER 2001

ABSTRAK

Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji penglibatan wanita dalam perniagaan di sekitar Bandaraya Kuching. Ia bertujuan untuk mengkaji peranan wanita dalam memajukan ekonomi negara. Di samping itu mengenalpasti jenis perniagaan yang diceburi dan permasalahan yang dihadapi kini.

Berdasarkan kepada analisis, di dapati majoriti peniaga wanita adalah golongan yang berumur dalam lingkungan 30 hingga 40 tahun dan telah melibatkan diri dalam perniagaan antara 1 hingga 5 tahun. Kebanyakan wanita pada peringkat umur ini berasa pendapatan sampingan adalah perlu memandangkan kos sara hidup yang semakin tinggi memerlukan mereka membantu pihak suami menambahkan pendapatan. Selain itu, wanita dapat membuktikan bahawa mereka mampu maju dalam perniagaan setanding kaum lelaki dalam era yang serba mencabar ini.

Semoga dengan adanya kesimpulan serta cadangan yang telah diberi, maka beberapa alternatif dapat diusahakan agar peranan wanita dalam memajukan ekonomi negara dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya dan secara tidak langsung membuka minda masyarakat agar peka kepada kebolehan wanita dalam pelbagai aspek pekerjaan walaupun seribu cabaran harus ditempuh sebelum mencapai ke mercu kejayaan.

JADUAL KANDUNGAN

		Muka Surat
Penghargaan	i	
Abstrak	ii	
Senarai Daftar Istilah	iii – v	
Jadual Kandungan	vi – viii	
Senarai Jadual	ix	
Senarai Rajah	x	

Bab 1	Pengenalan	
1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Penyata Masalah	4
1.3	Objektif Kajian	5
1.4	Skop Kajian	5
1.5	Hipotesis Kajian	6
1.6	Andaian Kajian	7
1.7	Kepentingan Kajian	8
1.8	Sorotan Literatur	9
1.9	Kaedah Kajian	13
2.0	Batasan Kajian	18
2.1	Rangka Bab	19

BAB 1

PENGENALAN

1. Latar Belakang Kajian

Perniagaan merupakan salah satu aktiviti ekonomi yang sekarang ini semakin pesat membangun dan bergerak maju. Selain perniagaan dalam sektor perkhidmatan, terdapat juga peniagaan di dalam sektor peruncitan di mana ia menjadi nadi perniagaan di antara pembeli dan peniaga. Perniagaan juga adalah suatu pekerjaan yang dituntut atas alasan 90 peratus punca rezeki datang daripada aktiviti perniagaan dan keseimbangan struktur ekonomi antara kaum serta kepentingan kemantapan ekonomi adalah untuk menjamin kestabilan politik.

Kebanyakkhan ulama dan fuqaha' menyamakan perniagaan dengan perkataan al bai' yang bermaksud jual beli, walaupun begitu mereka tidak sependapat dalam mendefinisikan perkataan al bai'. Terdapat banyak istilah yang diketengahkan disebabkan skop pandangan mereka yang berbeza.

Wanita merupakan satu pertiga (1/3) penduduk yang terlibat aktif dalam kegiatan-kegiatan ekonomi. Daripada jumlah wanita yang layak bekerja (antara 15-64 tahun) 46 peratus terlibat sebagai tenaga buruh dan 65 peratus daripada

BAB 2

KAJIAN KE ATAS KAUM WANITA DALAM BIDANG PERNIAGAAN DI SEKITAR BANDARAYA KUCHING

2.1 Pengenalan

Dekad lapan puluhan merupakan kerangka waktu yang bererti bagi kaum wanita di Malaysia khasnya, dan di seluruh dunia amnya, pertama ialah Dekad Wanita Antarabangsa. Bermula dengan tahun Wanita Antarabangsa pada tahun 1975, di mana dekad ini telah membawa beberapa perubahan kepada kaum wanita. Rancangan-rancangan tertentu telah disusun khas untuk kemajuannya.

Dalam tahun 1979, Majlis Kebangsaan bagi mengintegrasikan wanita dalam pembangunan (NACIWID) telah ditubuhkan, diikuti dengan penubuhan Urusetia Hal Ehwal Wanita (HAWA) di Jabatan Perdana Menteri dengan perlantikan seorang menteri khas untuk menguruskan hal ehwal wanita.

Kemajuan dalam berbagai sektor, khususnya sektor pendidikan, ekonomi dan sosial membawa kesan baik dan buruk. Pada satu pihak dunia, penglibatan wanita terbuka luas. Bahkan negara amat mengharapkan sumbangan kaum wanitanya dalam usaha-usaha pembangunan. Kemudahan pendidikan dan latihan dinikmati sepenuhnya oleh wanita. Dunia pelajaran terbentang luas, jadi peluang-peluang yang ada ini tidak diabaikan oleh wanita-wanita kita.